

Perantauan Bangsa Arab Ke Alam Melayu: Kesannya Terhadap Percambahan Kata Pinjaman Arab-Melayu

**Ibtisam Abdullah
Prof. Dr Zaharani Ahmad
Prof. Madya Dr Imran Ho Abdulah
Zamri Ahmad
Ahmad Thalal Hassan**

Abstrak

Peminjaman kata merupakan unsur yang lazim berlaku dalam mana-mana bahasa pun di dunia yang telah lama wujud sejak berabad yang lalu. Peminjaman kata adalah kata-kata yang dipinjam dari bahasa asing yang diserapkan ke dalam bahasa sasaran. Kata serapan juga dikenali sebagai kata pinjaman. Peminjaman kata merupakan gejala biasa dalam bahasa yang terjadi kerana pertembungan masyarakat pengguna bahasa yang berlainan, ia selalunya berlaku akibat penghijrahan dan perantauan penuturnya. Begitu juga yang berlaku dalam bahasa Melayu yang mana meminjam kata dari bahasa Sanskrit, Arab, Belanda dan kini Inggeris. Peminjaman kata Arab dalam bahasa Melayu telah berlaku sejak berabad yang lalu bermula dari sejarah kedatangan para perantau Islam ke Tanah Melayu yang membawa agama dan bahasa mereka sekali. Kedatangan agama Islam dan bahasa Arab ke Kepulauan Melayu menyebabkan kata Arab terserap ke dalam bahasa Melayu. Malah kata pinjaman ini telah mempengaruhi corak kehidupan masyarakat Melayu dan undang-undang. Terdapat tiga bahasa yang sangat besar pengaruhnya dalam proses peminjaman kosa kata kepada bahasa Melayu iaitu bahasa Sanskrit, Arab dan Inggeris. Di Alam Melayu pada ketika itu, bahasa Sanskrit merupakan bahasa asing yang pertama tersebar ke rantau ini. Selepas itu bahasa Arab pula mencorakkan bahasa Melayu melalui kedatangan para perantau Islam yang memainkan peranan sebagai pendakwah Islam yang bertanggung jawab menyerapkan perkataan-perkataan Arab ke dalam bahasa Melayu. Masa persinggahan bagi para perantau ini yang terlalu lama di Kepulauan Melayu memberi ruang kepada penyebaran bahasa Arab ini terutamanya melalui pengajaran agama Islam. Justeru itu, faktor utama berlakunya peminjaman kata Arab dalam bahasa Melayu adalah kerana faktor urusan perniagaan dan penyebaran agama Islam yang dibawa oleh para perantau Arab ke Tanah Melayu. Oleh itu, kertas ini akan memperkatakan tentang kesan perantauan bangsa Arab ke Alam Melayu terhadap percambahan kata pinjaman ini dan perubahan dari sudut morfologi yang berlaku apabila KPA terserap dalam bahasa Melayu. Apabila peminjaman bahasa berlaku maka perubahan akan berlaku dari sudut linguistik iaitu yang bersifat sistematik seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Maka, peminjaman kata memberi impak kepada masyarakat yang mana ianya memperkayakan bahasa dan memperkembangkan sistem komunikasi kebahasaan.

Perantauan Bangsa Arab Ke Alam Melayu: Kesannya Terhadap Percambahan Kata Pinjaman Arab-Melayu

**Ibtisam bt Abdullah
Prof. Dr Zaharani Ahmad
Prod. Madya Dr Imran Ho Abdullah
Zamri bin Ahmad
Ahmad Thalal Hassan**

Pendahuluan

Bahasa adalah budaya yang memainkan peranan penting di dalam kehidupan sesebuah bangsa atau masyarakat. Bahasa mempunyai sifat-sifat yang universal digunakan oleh manusia sebagai alat untuk berhubung, melahirkan pandangan, perasaan dan pendapat, menyampaikan ilmu pengetahuan dan sebagainya dari satu generasi ke satu generasi yang lain. Maka, bahasa merupakan satu aset manusia yang paling berharga dalam mengekalkan kemanusiaan itu sendiri. Sesebuah bangsa atau masyarakat menggunakan bahasa untuk dua tujuan utama, iaitu untuk menyampaikan maklumat atau makna yang terbit dari pemikiran mereka kepada pendengar atau pembaca, dan juga untuk membolehkan mereka menerima maklumat daripada persekitaran, sama ada dalam bentuk lisan atau tulisan. Oleh itu, bahasa adalah alat yang digunakan untuk berkomunikasi oleh sesebuah masyarakat untuk menyampaikan dan menerima maklumat. Menurut ahli-ahli bahasa pula bahasa adalah sistem lambang-lambang yang bersifat arbitari yang digunakan oleh sesebuah masyarakat sebagai alat untuk berkomunikasi sesama mereka, dan juga sebagai alat untuk mengidentifikasikan diri mereka (Harimurti 1984, Zulkifley 2007).

Bahasa juga sentiasa berkembang mengikut zaman dan bersifat dinamis yang sentiasa mengalami perubahan. Perkembangan sesuatu bahasa itu bergantung kepada penggunaan dan usaha memperkayakannya dengan menambahkan atau mengambil kosa kata yang baru dari bahasa lain. Kemasukan unsur-unsur asing dari bahasa lain ke dalam bahasa sasaran tidak dapat dihindari. Ini adalah kerana bangsa yang kurang maju akan menyerap banyak perkataan dari bangsa yang maju. Proses ini dinamakan sebagai peminjaman kata. Pada kebiasaannya peminjaman dalam bahasa tidak dirancang. Gejala peminjaman ini timbul secara sedar atau tidak sedar di kalangan pemakai bahasa sesuatu masyarakat dalam pertembungan mereka dengan pemakai bahasa daripada masyarakat yang lain. Peminjaman kata-kata itu berlaku bersama-sama dengan peminjaman atau pengenalan ciri-ciri kebudayaan baru, baik yang merupakan kebudayaan kebendaan mahupun yang merupakan kebudayaan bukan kebendaan (Puteri Roslina 1994, Asmah 1995, Trask 2007).

Menurut Trask (2007) berlakunya perubahan bahasa adalah berpunca dari kontak atau hubungan bahasa yang boleh dikaji dalam pelbagai peringkat. Salah satu diantaranya fenomena

peminjaman atau menggunakan leksikal dalam bahasa A oleh pengguna bahasa B. Puteri Roslina (1994) pula mengatakan bahawa peminjaman berlaku hasil daripada pertembungan bahasa atau kontak bahasa. Pertembungan bahasa dianggap oleh setengah-setengah ahli antropologi sebagai satu aspek dalam pertembungan budaya dan peminjaman merupakan contoh penyerapan budaya yakni penyebaran satu butiran budaya daripada seorang kepada yang lain. Sapir (1921) menyatakan walau apa pun darjah atau ciri perhubungan antara kumpulan budaya, keadaan ini sudah cukup menyebabkan bahasa itu pengaruh mempengaruhi.

Bynon (1994) mengatakan bahawa pertembungan antara bahasa boleh mempengaruhi bahasa yang berlainan berbanding dengan kelainan geografi dan sosial bahasa yang sama. Pertembungan sesuatu bahasa dengan bahasa yang lain akan mengakibatkan perubahan bunyi atau fonologi, bentuk kata atau morfologi dan bentuk ayat atau sintaksis. Akibat dari pertembungan bahasa dan budaya ini berlakulah peminjaman kata dalam masyarakat tersebut. Maka, kata pinjaman merupakan satu produk dari pembangunan bahasa dan kontak budaya yang mana bahasa merupakan satu perkara yang penting kepada hubungan sesama manusia dan satu tindak balas perhubungan sosial yang mengalami perubahan yang pantas dalam sejarah (Yingying 2009). Sapir (1994) berpendapat sesuatu bahasa yang menggunakan bahasa lain dinamakan sebagai peminjaman yang mana ia berlaku secara semulajadi dalam kontak bahasa yang menekankan impak yang mendalam terhadap kedua-dua kosa kata yang saling memahami budaya. Ini menyebabkan kedua-dua bahasa tersebut saling mempengaruhi dalam menggunakan perkataan-perkataan tersebut untuk merujuk kepada beberapa perkara, proses dan cara pemikiran.

Definisi Kata Pinjaman

Peminjaman kata merupakan unsur yang lazim berlaku dalam mana-mana bahasa pun di dunia yang telah lama wujud sejak berabad yang lalu. Malah ia merupakan satu proses yang penting dalam perkembangan sesuatu bahasa. Oleh itu, kata pinjaman adalah kata-kata yang dipinjam dari bahasa asing yang diserapkan ke dalam bahasa sasaran dan dijadikan sebagai sebahagian dari perbendaharaan kata kepada bahasa yang meminjam. Apabila kata pinjaman ini terserap ke dalam bahasa yang meminjam maka sturkturnya akan berubah sama ada dikekalkan atau dirombak menikut kesesuaian bahasa yang meminjam. Oleh itu, peminjaman kata merupakan gejala biasa dalam bahasa yang terjadi kerana pertembungan masyarakat pengguna bahasa yang berlainan. Kata pinjaman juga dikenali sebagai kata serapan.

Latar Belakang Kata Pinjaman Arab Dalam Bahasa Melayu

Bahasa Arab mula mendapat perhatian apabila ia datang ke Kepulauan Melayu seiring dengan kedatangan Islam pada abad ke-13 sebagai bahasa al-Quran dan al-Hadis. Umumnya bahasa tersebut telah diterima sebagai bahasa rujukan utama untuk hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam. Bahkan antara agama Islam dan bahasa Arab saling melengkapi antara satu sama lain, malah tidak dapat dipisahkan. Penyebaran Islam pada ketika itu membawa pendekatan serupa dengan penyerapan budaya Arab dan Islam ke dalam budaya Melayu-Hindu memandangkan ketika itu adalah penganut agama Hindu. Maka, pengaruh India sedikit demi sedikit mula digantikan dengan pengaruh Islam dan Arab. Dengan kedatangan Islam, mengembangkan lagi pertumbuhan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu kerana banyak hasil kesusasteraan wujud dalam era ini. Malah bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi Melaka turut meningkatkan taraf dan penggunaannya. Ia menjadi *lingua franca* setiap pedagang dan penghuni Nusantara. Oleh itu, kata pinjaman ini telah mempengaruhi corak kehidupan masyarakat Melayu dan undang-undang. (Zaiton dan Zaini 1990, Asmah 1988, Abdullah 1997).

Terdapat tiga bahasa yang sangat besar pengaruhnya dalam proses peminjaman kosa kata kepada bahasa Melayu iaitu bahasa Sanskrit, bahasa Arab dan bahasa Inggeris. Di Alam Melayu pada ketika itu, bahasa Sanskrit merupakan bahasa asing yang pertama tersebar ke rantau ini. Selepas itu, bahasa Arab pula mencorakkan bahasa Melayu melalui kedatangan para pedagang India yang mempunyai hubungan kuat dengan Semenanjung Arab dan China Selatan ke Asia Tenggara. Para pedagang Arab inilah yang merantau ke Alam Melayu memainkan peranan sebagai pendakwah Islam yang bertanggung jawab menyerapkan perkataan-perkataan Arab ke dalam bahasa Melayu. Masa persinggahan bagi para pedagang ini yang terlalu lama di Kepulauan Melayu memberi ruang kepada penyebaran bahasa Arab ini terutamanya melalui pengajaran agama Islam. Perkembangan kata pinjaman Arab pada ketika itu agak perlahan dan melalui proses yang rumit seperti penyebaran agama Islam. Pengaruh bahasa Arab bukan hanya setakat di Kepulauan Melayu sahaja, malah pengaruhnya tersebar luas terhadap bahasa-bahasa lain seperti di Asia, Afrika dan Eropah. Ini dapat dilihat pada perbendaharaan kata yang digunakan dalam bahasa-bahasa lain di seluruh dunia (Beg 1979, Noresah 2006, Jones 2008).

Jones (2008) menyatakan bahawa pengaruh Arab dan Parsi dalam Melayu-Indonesia adalah berkaitan dengan penyebaran agama Islam di Nusantara bermula pada kurun 14 dan pengaruh ini semakin berkembang hingga hari ini di Malaysia dan Indonesia. Menurut beliau (2008) lagi, para perantau Arab inilah yang bertanggung jawab membawa masuk bahasa Arab bermula dari kurun 14 dan seterusnya. Di akhir kurun 14, hubungan Nusantara dan Dunia Arab menjadi sumber utama kepada kata pinjaman melalui perkembangan agama dan hubungan perniagaan yang kukuh, di samping hubungan kukuh masyarakat Melayu dengan dunia Arab. Kata pinjaman Arab adalah dipinjam dari sastera Arab yang klasik dan Arab Standard Modern. Selain itu bahasa daerah juga menyumbangkan kata pinjaman.

Menurut Amran (1987), dalam sejarah perkembangan bahasa Arab, orang-orang Arab telah menguasai sepanjang jalan perdagangan dari Laut Merah hingga Laut Cina Selatan sejak dahulukala lagi. Ketika menjalankan perdagangan inilah banyak pelabuhan di persisiran laut yang menjadi persinggahan mereka. Penduduk setempat sedikit demi sedikit menerima pengaruh agama dan kebudayaan mereka. Semenanjung Tanah Melayu tidak terkecuali. Hubungan ini terus terjalin dengan usaha penduduk setempat belayar ke negeri-negeri Arab, terutamanya ke Mekah untuk menunaikan fardu Haji di samping menuntut ilmu di sana. Maka, hubungan di antara orang Islam dari Timur Tengah dengan penduduk Tanah Melayu menjadi erat dengan penerimaan Islam di rantau ini. Apabila penduduk Tanah Melayu kembali ke tanah air mereka, maka mereka mengembangkan akidah Islam setelah beberapa tahun berada di Mekah. Dengan demikian lahirlah para cendekiawan Islam yang melibatkan diri dengan penyebaran Islam. Malah di antara mereka pula menjadi penulis yang terkenal, di samping menterjemahkan buku-buku agama daripada bahasa Arab ke bahasa Melayu.

Dalam penulisan inilah perbendaharaan kata Arab mula digunakan apabila tidak ada kata-kata Melayu untuk menerangkan sesuatu, di samping sebagai akibat pengaruh pendidikan mereka. Oleh yang demikian, dalam proses mengembangkan ilmu pengetahuan yang disumbangkan oleh para cendekiawan Islam, kata-kata istilah Arab yang ada mulanya tertumpu kepada istilah kegunaan sehari-hari telah diperkembangkan secara meluas dan meliputi berbagai-bagai bidang ilmu pengetahuan. Akhirnya istilah yang masuk ke dalam perbendaharaan kata bahasa Melayu itu menjadi bahasa ilmiah, dan hal ini terjadi sebelum kedatangan Islam (Ronkel 1977, Amran 1987).

Oleh itu, bahasa Arab telah dijadikan sebagai salah satu sumber istilah baru. Melalui bahasa Arab inilah agama Islam dapat disebarkan ke seluruh Semenanjung Tanah Melayu, memandangkan istilah-istilah ini berkaitan dengan hukum-hukum Islam. Oleh yang demikian, bahasa Melayu telah mengalami perubahan yang besar. Selain diperkaya dengan istilah dari perkataan Arab dan Parsi, bahasa Melayu turut dijadikan sebagai bahasa pengantar utama Islam di seluruh Kepulauan Melayu-Indonesia. Dianggarkan lebih 1000 kata Arab telah dipinjam oleh bahasa Melayu, khususnya yang berkaitan dengan cabang ilmu Islam. Oleh sebab pengaruh bahasa Arab cukup besar maka ia telah membantu perkembangan kosa kata bahasa Melayu dan pemikiran orang-orang Melayu dalam era globalisasi. Maka, kata seperti *awal*, *akhir*, *nafas*, *kudrat*, *fardu*, *was-was*, *jiran*, *iman*, *salam*, *mutakhir*, *tadbir* ialah antara contoh kata Arab yang telah lama terserap masuk ke dalam bahasa Melayu sehingga kita tidak sedar bahawa kata-kata ini adalah kata pinjaman daripada bahasa Arab (Ayatroheadi 2002, Noresah 2006).

Faktor-Faktor Yang Mendorong Peminjaman Kata.

Terdapat faktor luaran yang mempengaruhi kata pinjaman. Faktor luaran dalam perhubungan antara dua bahasa yang berbeza merupakan satu dorongan yang penting dalam kata pinjaman. Menurut Sapir (1921) perhubungan mungkin berlaku melalui persahabatan atau permusuhan. Ia juga mungkin berlaku secara lazimnya melalui perancangan perniagaan dan hubungan perdagangan atau ia mungkin mengandungi peminjaman atau pertukaran ke arah yang positif

seperti seni, sains, agama. Yun Yan (2009) menyatakan kata pinjaman adalah satu perkara yang biasa berlaku di bawah faktor luaran seperti keadaan geografi kejuranan, politik, ekonomi, budaya, ketenteraan dan aktiviti di antara negara yang berbeza.

Namun, terdapat dua faktor utama mengapa berlakunya peminjaman, iaitu faktor keperluan dan kemegahan. Peminjaman akan berlaku apabila sesuatu bahasa memerlukan perkataan baru untuk menamakan idea atau konsep baru kerana sukar mencari perkataan yang sama dalam bahasa natif. Perkataan ini juga dipinjam untuk mengungkap sesuatu dengan lebih tepat. Malah perkataan yang dipinjam lebih mudah digunakan daripada menghuraikannya dalam bentuk baru. Faktor kedua pula, peminjaman untuk kemegahan atau prestij, yang mana sesuatu bangsa atau masyarakat akan meminjam perkataan asing dari bangsa atau masyarakat yang lebih maju (Weinreich 1968). Namun demikian, peminjaman yang berlaku juga adalah kerana faktor penghijrahan manusia yang bertujuan urusan perniagaan, penyebaran agama, penghindaran dari bencana alam dan meningkat taraf. Aktiviti kata pinjaman antara bahasa-bahasa juga merangkumi sistem morfologi, dari segi bentuk atau penulisan, pola fonologi dan struktur sintaksis atau gramatikal (Puteri Roslina 1994, Yun Yan 2009).

Walau bagaimana pun, faktor utama berlakunya peminjaman kata Arab dalam bahasa Melayu adalah kerana faktor urusan perniagaan dan penyebaran agama Islam yang dibawa oleh para perantau Arab ke Tanah Melayu. Dengan kedatangan Islam ke Nusantara dapat mengilhamkan pengkayaan dalam bidang bahasa dan kesusasteraan Melayu. Ini menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan sekaligus sebagai bahasa *lingua franca* di Nusantara. Faktor utama bahasa Melayu sebagai *lingua franca* adalah kerana sifat bahasa itu sendiri begitu flaksible dan sederhana, dapat menerima perubahan dan perkembangan baru sejajar dengan kehendak masa. Malah, dari sifat tersebut bahasa Melayu itu mempunyai persamaan sifat ketatabahasaan dengan bahasa Arab. Dari segi linguistik, kedua-dua bahasa tersebut tergolong sebagai bahasa '*Oligo-Sintesis*' di mana kebanyakan peerbendaharaan kata berpunca dari akar kata atau kata dasar yang sedikit jumlahnya (Abdullah 1990).

Kesan Percambahan Kata Pinjaman dalam Bahasa Melayu

Tidak dinafikan bahawa dengan kedatangan Islam yang dibawa oleh para perantau Arab yang bertindak sebagai pendakwah Islam ke rantau ini dapat memperkayakan bahasa dan kesusasteraan Melayu. Malah dengan kedatangan Islam Abjad Arab yang mewujudkan Tulisan Jawi, menambahkan lagi perkembangan bahasa dan kesusasteraan Melayu mencapai ke tahap yang begitu popular dan matang. Justeru itu kedatangan Islamlah membawa pengaruh yang berkesan bagi perkembangan kesusasteraan Melayu. Maka, didapati buku-buku agama, buku ilmu pengetahuan dan kesusteraan ditulis dengan huruf Jawi ini. Dari sinilah pemakaian perkataan-perkataan Arab digunakan dan diasimilasikan ke dalam bahasa Melayu menambahkan lagi pengukuhan dan kesempurnaan dalam kesusteraan Melayu. Bahasa Melayu yang sebelumnya merupakan bahasa pasaran terbatas, kini berjaya menempah kedudukan yang tinggi dan kukuh sebagai bahasa perantaraan di seluruh Nusantara (Ronkel 1977, Abdullah 1990).

Justeru itu, pengaruh bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu memberi makna yang amat besar terhadap perluasan perbendaharaan kata bahasa Melayu. Bahasa Arab dikatakan seiring dengan kedatangan dan perkembangan Islam di Kepulauan Melayu. Seperti beberapa perkataan tertentu bahasa Sanskrit dan Tamil, bahasa Melayu juga telah mengubah bunyi dan bentuk beberapa perkataan tertentu bahasa Arab. Mungkin pada peringkat permulaan penutur Melayu berusaha menyebut dengan betul perkataan-perkataan yang diambil daripada bahasa Arab. Akan tetapi lama kelamaan, sebutan tersebut berubah sehingga tidak lagi memperlihatkan bunyi asalnya, dan perkataan-perkataan tersebut sudah mantap dan akhirnya dianggap milik bahasa Melayu (Rusli (tt)).

Amran (1987) menyatakan bahawa penyerapan bahasa Arab dalam bahasa Melayu berlaku sedikit demi sedikit dan memakan masa yang panjang. Oleh sebab itu, wujudlah perubahan-perubahan daripada bentuk asalnya. Kata-kata Arab yang diterima masuk ke dalam bahasa Melayu itu separuh daripadanya mengekalkan bentuk asalnya, sedangkan sebahagian lagi diubah mengikut penyebutan Melayu. Perubahan kata-kata Arab menjadi bunyi bahasa Melayu merupakan satu proses biasa, sama ada juga seperti yang berlaku kepada bahasa-bahasa lain dalam proses penerimaan perbendaharaan kata asing, dan bukan dibuat-buat secara sengaja. Perubahan tersebut, sama ada dari segi ejaan, bunyi atau lain-lainnya dapat menyebabkan seseorang itu sukar mengenal perkataan Arabnya yang asal. Keadaan ini kadang-kadang menimbulkan keraguan ketika hendak menghubungkan perkataan Melayu (yang dikatakan diambil daripada perkataan Arab) dengan perkataan Arabnya yang asal.

Idris (2002) menyatakan kedatangan orang-orang Arab ke gugusan Pulau-Pulau Melayu, sama ada bertitik tolak daripada agama atau ekonomi telah meninggalkan beberapa kesan kepada orang Melayu khususnya hasil daripada proses pengaruh dan mempengaruhi. Kesan perhubungan ini dapat disimpulkan kepada perkara-perkara berikut: tulisan, perkataan dan istilah, struktur ayat dan gaya bahasa. Menurut beliau (2002) lagi, proses pemelayuan kata arab oleh bahasa Melayu mempunyai beberapa tujuan utama seperti sosial, keagamaan, ekonomi dan politik. Malah kata pinjaman Arab dalam bahasa Melayu terdiri daripada segala bentuk perkataan di dalam bahasa Arab iaitu kata nama, kata kerja dan kata tugas. Setelah berlaku proses peminjaman kata Arab dalam bahasa Melayu, berlaku beberapa perubahan kesan daripada penyesuaian dengan gaya pertuturan orang Melayu. Antara perubahan tersebut ialah kata jamak, bentuk huruf, tambah huruf lain untuk sesuai dengan kaedah bahasa Melayu, perkongsian huruf, gabungan perkataan dan keadaan perkataan yang sepatutnya ditulis dengan vokal panjang tetapi ditulis dan dibaca dengan vokal pendek.

Maka, peminjaman kata Arab dalam bahasa Melayu dapat memberi berbagai-bagai kesan kepada masyarakat. Dari aspek positifnya peminjaman itu memperkayakan bahasa dan memperkembangkan sistem komunikasi kebahasaan (Asmah 1995). Kesan peminjaman kepada sesuatu bahasa boleh dilihat apabila berlaku penyesuaian dan perubahan terhadap kosa kata bahasa peminjam. Peminjaman perlu dikawal kerana peminjaman yang berlebih-lebihan akan mengakibatkan keaslian bahasa peminjam itu sendiri campur aduk struktur akan berlaku.

Peminjaman bahasa akan mengakibatkan perubahan bunyi (fonologi), bentuk kata (morfologi) dan bentuk ayat (sintaksis) (Hashim 1993, Abdullah 2006).

Perubahan Kata Pinjaman Arab Dalam Bahasa Melayu Dari Sudut Morfologi

Sebagaimana yang diketahui bahawa kata pinjaman apabila berlaku maka perubahan juga akan berlaku iaitu bersifat sistematik seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Justeru, di sini hanya akan membincangkan perubahan dari sudut morfologi yang berlaku apabila kata pinjaman Arab meresap ke dalam bahasa Melayu. Oleh itu, perubahan yang berlaku dalam kata pinjaman Arab adalah perubahan kelas kata bahasa sumber yang meresap ke dalam bahasa sasaran, perubahan makna nahu dan perubahan makna leksikal. Contoh seperti berikut :

1-Perubahan Kelas Kata

| Bil | Kata Pinjaman | Bahasa Arab | Bahasa Melayu |
|-----|---------------|-------------|---------------|
| 1 | Ikhtiar | Kata Nama | Kata Kerja |
| 2 | Wujud | Kata Nama | Kata Kerja |
| 3 | Sujud | Kata Nama | Kata Kerja |
| 4 | Salam | Kata Nama | Kata Kerja |
| 5 | Jihad | Kata Nama | Kata Kerja |

Konsep frasa digunakan untuk menentukan kelas kata sama ada Kata Nama atau Kata Kerja, **Contoh 1:** Ali sedang sujud di hadapan Kaabah.

Perkataan ‘*sujud*’ asalnya adalah kata nama terbitan dalam bahasa Arab. Apabila digunakan dalam bahasa Melayu, perkataan ‘*sujud*’ berubah menjadi kata kerja dengan adanya kata bantu iaitu ‘sedang’.

Contoh 2: Orang Islam berjihad demi menegakkan agama Islam.

Begitu juga dengan perkataan ‘*jihad*’ yang asalnya adalah kata nama terbitan dalam bahasa Arab, apabila ditambah dengan imbuhan awalan ‘ber + *jihad*’ berubah menjadi kata kerja dalam bahasa Melayu.

Contoh 3: Encik Aminullah memberi salam kepada para pekerjanya sebelum masuk pejabatnya.

Perkataan ‘*salam*’ juga merupakan kata nama terbitan dalam bahasa Arab. Ia berubah menjadi kata kerja dengan adanya kata bantu iaitu kata kerja bahasa Melayu ‘memberi’.

Bagi kata terbitan pula, ditentukan melalui imbuhan sama ada ianya Kata Nama atau Kata Kerja. Kata pinjaman Arab diperkayakan dan diperkembangkan melalui proses pengimbuhan.

Amal → mengamalkan → amalan → pengamal → diamalkan → beramal
 Wujud → mewujudkan → kewujudan → pewujudan → diwujudkan → wujudkan

2. Perubahan Makna Nahu.

Kata Pinjaman Arab yang asalnya adalah Kata Jamak

| Bil | Kata Pinjaman Arab |
|-----|--------------------|
| 1 | Ajaib |
| 2 | Akhbar |
| 3 | Akhlak |
| 4 | Anasir |
| 5 | Jiran |
| 6 | Maklumat |

Kata pinjaman ini asalnya adalah kata jamak dalam bahasa Arab iaitu *Jamak al-Taksir*. Apabila kata pinjaman ini terserap ke dalam bahasa Melayu ianya berubah menjadi kata Mufrad. Malah kata pinjaman ini akan digandakan dalam bahasa Melayu untuk menunjukkan kata jamak atau kata ganda, contohnya *akhabar-akhbar, jiran-jiran..*

Contoh 1 : En Hanif menjemput *jiran-jirannya* menghadiri majlis perkahwinan anaknya.

Dalam bahasa Melayu, perkataan '*jiran-jiran*' digandakan untuk menunjukkan kata jamak. Dalam bahasa Arab pula, perkataan '*jiran*' ini adalah kata jamak yang kata mufradnya ada '*jar* (جار)'.
(جار)'

Contoh 2:

Polis mengumpul segala maklumat tentang rompakan kedai emas untuk siasatan lanjut.

Perkataan 'segala' ditambah sebelum perkataan '*maklumat*' untuk menunjukkan kata jamak. Dalam bahasa Arab, perkataan '*maklumat*' ini merupakan kata jamak *al-mu'annath al-salim* (gender feminin) kepada kata mufradnya '*maklum*'.

3-Perubahan Makna Leksikal

Kata pinjaman Arab ini apabila tersrap ke dalam bahasa Melayu, maka berlaku perubahan makna leksikalnya dari makna asal kepada makna baru. Perubahan makna ini pula akan mengalami perluasan makna dan penyempitan makna.

3.1 Penyempitan Makna:

Penyempitan makna bermaksud makna yang pada mulanya umum atau luas berubah menjadi makna yang khusus atau sempit, contoh:

Perkataan '*alim*' dalam bahasa Arab membawa makna yang luas iaitu alim atau pakar atau mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam pelbagai bidang. Apabila perkataan '*alim*'

digunakan dalam bahasa Melayu, maknanya menjadi sempit atau khusus, iaitu seseorang yang alim, berilmu, mempunyai pengetahuan dengan mendalam tentang agama Islam.

| Bil | Perkataan | Makna Asal | Makna Dalam Bahasa Melayu |
|-----|-----------|---|--|
| 1 | Azimat | Agong, besar | Tangkal, barang (tulisan) yang dianggap mempunyai sakti |
| 2 | Amil | Pekerja sebarang pekerjaan | Orang yang diberi tauliah untuk memungut dan menerima zakat. |
| 3 | Alim | Berilmu dan pengetahuan (sebarang bidang) | Berilmu dan berpengetahuan dengan mendalam dalam hal agama Islam. |
| 4 | Maktab | Meja tulis, pejabat | Institusi pengajian perguruan |
| 5 | Rujuk | Pulang, balik | Kembali dengan isteri yang telah dicerai, kembali kepada kedudukan atau pendirian yang asal. |

3.2 Perluasan Makna

Perluasan makna bermaksud makna yang asalnya khusus atau sempit berubah menjadi makna yang umum atau luas, contoh:

Makna perkataan '*majlis*' dalam bahasa Arab adalah khusus untuk tempat duduk sahaja. Namun, apabila perkataan '*majlis*' digunakan dalam bahasa Melayu, maknanya berubah menjadi makna yang umum atau luas iaitu sidang, dewan, jawatankuasa, perjumpaan, keramaian, mesyuarat dan persidangan.

| Bil | Perkataan | Makna Asal | Makna Dalam Bahasa Melayu |
|-----|-----------|--------------|---|
| 1 | Badan | Tubuh badan | Kesatuan, agensi, bahagian utama dalam teks |
| 2 | Ikhtiar | Pilihan | Pertimbangan, pendapat, usaha, mencari jalan. |
| 3 | Majlis | Tempat duduk | Sidang, dewan, jawatankuasa |
| 4 | Daftar | Buku tulis | Susunan, senarai, rekod |
| 5 | Ibarat | Ayat | Umpama, seperti, misal |

3.3 Perubahan Makna

Berubah sekaligus maknanya dari makna asal, contoh:

Perkataan '*daftar*' makna asalnya dalam bahasa Arab adalah 'buku tulis'. Apabila perkataan ini diguna dalam bahasa Melayu maknanya terus berubah kepada makna 'susunan, rekod, senarai.'

| Bil | Perkataan | Makna Asal | Makna Dalam Bahasa Melayu |
|-----|-----------|---|---|
| 1 | Azimat | Agong, besar | Tangkal, barang (tulisan) yang dianggap mempunyai sakti |
| 2 | Istiadat | Persediaan | Peraturan atau adat resam, adat kebiasaan. |
| 3 | Khalwat | Bersunyi-sunyian seorang diri untuk beribadat kepada Allah Taala. | Berdua-duaan di tempat yang terpencil oleh lelaki dan perempuan yang bukan muhrim |
| 4 | Ijazah | Cuti | Sijil, suratakuan yang diberikan oleh universiti sebagai tamat belajar dan lulus dalam peperiksaan. |
| 5 | Rakam | Nombor, bilangan | Mengecap, mencorakkan Mencetak, mengekalkan bunyi. |

Maka, proses morfologi merupakan salah satu aspek penting dalam penyelidikan morfologi. Proses morfologi ini adalah cara bagaimana sesuatu perkataan itu dihasilkan atau pembentukan perkataan.

Penutup

Peminjaman bahasa merupakan satu proses bahasa yang penting dalam perkembangan sesuatu bahasa. Gejala peminjaman ini berlaku tanpa disedari oleh sesebuah masyarakat akibat dari pertembungan bahasa dan budaya. Oleh itu, kata pinjaman adalah sesuatu bahasa atau penutur bahasa pertama meminjam perkataan dari bahasa lain dan menjadikannya sebagai sebahagian dari perbendaharaan katanya. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan berlakunya peminjaman iaitu keperluan, prestij, penghijrahan manusia, urusan perniagaan, penyebaran agama, penghindaran dari bencana alam dan meningkatkan taraf hidup. Kedatangan agama Islam dan bahasa Arab ke Kepulauan Melayu menyebabkan kata Arab terserap ke dalam bahasa Melayu. Justeru itu, faktor utama berlakunya peminjaman kata Arab dalam bahasa Melayu adalah kerana faktor urusan perniagaan dan penyebaran agama Islam yang dibawa oleh para perantau Arab ke Tanah Melayu. Apabila peminjaman bahasa berlaku maka perubahan akan berlaku dari sudut linguistik iaitu yang bersifat sistematik seperti fonologi, morfologi, sintaksis dan semantik. Maka, peminjaman kata memberi impak kepada masyarakat yang mana ianya memperkayakan bahasa dan memperkemaskan sistem komunikasi kebahasaan. Dengan

demikian, peminjaman kata Arab memberi pengaruh yang amat besar terhadap perluasan perbendaharaan kata bahasa Melayu. Oleh yang demikian, memandangkan begitu banyaknya perkataan bahasa Arab yang masuk ke dalam bahasa Melayu, maka secara langsung atau tidak langsung ia bukan sahaja memperkayakan khazanah perbendaharaan kata bahasa Melayu, malah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan sekaligus sebagai bahasa *lingua franca* di Nusantara.

Rujukan

- Abdullah Hassan. 1997. *Bahasa Melayu: sebagai bahasa ilmu dan esei-esei lain*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Abdullah Ishak. 1990. *Islam di Nusantara (khususnya di Tanah Melayu)*. Petaling Jaya: al-Rahmaniah.
- Abdullah Hassan. 2006. *Morfologi*. Kuala Lumpur: PTS Publishing Sdn.Bhd.
- Abdullah Hassan. 2007. *Linguistik am*. Kuala Lumpur: PTS Publishing Sdn.Bhd.
- Amadun Husin. 1994. *Morfologi dalam pembinaan bahasa Melayu*. Tesis Master. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amran Kasimin. 1987. *Perbendaharaan kata Arab dalam bahasa Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aronoff. 1976. *Word formation in generative morphology*. Linguistic Inquiry Monographs. Cambridge: The MIT Press.
- Asmah Hj Omar. 1988. *Bahasa laporan*. Kuala Lumpur: dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar. 1995. *Perancangan bahasa dengan rujukan khusus kepada perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayatroheadi. 2002. *Harian pikiran rakyat*: 30 september 2002.
- Carmel Heah Lee Hsia. 1989. *The influence of English on the lexical expansion of Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halle, M. 1973. *Prolegomena to the theory of word formation*. Linguistic Inquiry. IV:3-16.
- Harimurti, Kridalaksana. 1983. *Kamus Linguistik*. Jakarta: Penerbit Gramedia.
- Harison Radzi. 2009. Proses Grammatikalisasi dalam morfologi bahasa Melayu. ‘*Kepelbagaian*

- dimensi linguistik*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hashim Hj Musa. 1993. *Binaan dan fungsi perkataan dalam bahasa Melayu suatu huraian dari sudut tatabahasa generatif*. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Mansor. 2002. *Kata pinjaman bahasa Melayu daripada bahasa Arab (a-m): kajian bandingan dari aspek penggunaan berdasarkan kamus dewan dan al-Muʿjam*. Tesis Master, Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam, FPI, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamus Linguistik*. 1997. Cetakan Pertama. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lyle Campbell. 2000. *Historical linguistik: an instruction*. Edinburgh: Edinburgh University Press.
- Muhammad Abdul Jabbar Beg. 1979. *Arabic loan-words in Malay comparative study*. 2nd Edition. Kuala Lumpur: The University of Malaya Press.
- Muhammad ʿAli al-Khuliy. 2000. *Mabadi' ʿilm al-lughah*. Jordan: Dra al-Falah.
- Nik Safiah Karim. 1978. *Bahasa Malaysia syntax: some of aspects to standardization*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noresah Baharom. 2006. *Klik dewan bahasa pustaka*. Berita Harian (rabu 20 Disember 2006).
- Ph. S. Van Ronkel. 1977. *Mengenai pengaruh tatakalam Arab terhadap tatakalam Melayu*. Terj. A. Ikram. Jakarta: Bhratara.
- Puteri Roslina Abd Wahid. 1994. *Peminjaman kata dalam peristilahan undang-undang bahasa Melayu*. MMLS. Pusat Bahasa. Universiti Malaya.
- R. L. Trask. 2007. *Language & linguistic the key concept*. 2nd. Edition. t.tp: t.pt.
- Rusli bin Hj Morni. tt. *Multibunyi dan multibentuk mempelbagai sebutan bahasa Melayu*. Prosiding Setaling II. Brunei: Universiti Brunei Darussalam.
- Russell Jones. 2008. *Loan-words in Indonesian and Malay*. Indonesian etymological Project, KITCV office Jakarta. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.
- Sapir, E. 1921. *Language*. New York.
- Theodora Bynon. 1994. *Linguistik sejarawi*. Terj. Noor Ein Moh. Noor. Kuala Lumpur:

Dewan Bahasa dan Pustaka.

Weinreich, U. 1968. *Language in contact*. The Hague: Mouton.

Yingying Shan. 2009. *Borrowed words in English and Chinese vocabulary*. Guangzhou: Guangdong University of Foreign Studies.

Yun Yan & Tianbai Deng. 2009. *On Chinese loan words from English language*. China: Yangzhou Vocational College of Environment & Resources.

Zaiton Abd Rahman & Zaini Mohamed Zain. 1990. *Pensejarah bahasa Melayu: beberapa pandangan awal*. Siri Monograf Sejarah bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zulkifley Hamid, Ramli Md. Salleh & Rahim Aman. 2007. *Linguistik Melayu*. Edisi ke-2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

